

Headline	Kongsi pisau cukur punca HIV?		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	23 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,321
Page No	L-F8	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	132 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,875
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,625



# Kongsi pisau cukur punca HIV?

## Soalan

**S**AYA sering mengalami kegatalan di zakar. Adakah ia tanda zakar saya dijangkiti kuman? Bolehkah perkongsian pencukur janggut mengakibatkan seseorang itu dijangkiti HIV 20 tahun akan datang?

**KHAI**  
Kuala Lumpur

## Jawapan

Jangkitan STI atau 'sexually transmitted infection' ialah jangkitan yang didapati daripada hubungan intim seksual. Beberapa jangkitan STI boleh didapati daripada sentuhan kulit seperti ketuat Genital daripada satu individu kepada individu yang normal.

Ada juga jangkitan STI melalui sentuhan dengan bendalir, penggunaan pisau cukur, pembuatan 'tatu', penggunaan picagari untuk suntikan dadah seperti jangkitan dengan kuman virus HIV.

Jika anda tidak melaku-

kan seks penetrasi atau seks oral atau seks anal (liwat), tidak menggunakan pisau cukur atau tidak mengamalkan suntikan dadah, isu jangkitan penyakit HIV tidak timbul.

Berkaitan masalah kegatalan kulit zakar, jika kerap menggaru dan kebetulan kulit lembut zakar tercedera, ada kemungkinan anda terkena jangkitan kepada kulit zakar.

Jika kegatalan itu tidak ketara dan anda tidak mencederakan kulit, perkara berkenaan mungkin tidak akan berlaku.

Anda boleh gunakan krim pelembap jika kulit anggota kelamin kering. Jika anda mencukur anggota kelamin dengan sabun, pastikan sabun itu mesra kulit, tidak mengeringkan kulit.

Jika kegatalan kulit masih berlaku walaupun selepas melakukan semua itu, anda perlu berjumpa pakar sakit kulit untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut.